

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Akta kawal tembakau perlu ambil kira perubahan pasaran, industri

Hamid Shukri,
Semenyih,
Selangor

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sebelum ini mengesahkan Akta Kawalan Produk Tembakau dan Rokok baharu akan memastikan rokok dan segala produk alternatif rokok diharamkan untuk mereka lahir pada 2005 ke atas melalui polisi *Generation End-Game (GEG)* dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Namun, GEG sekarang hanya akan bermula dari 2007, bukan 2005 seperti dinyatakan beliau sewaktu mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) awal tahun ini.

Perubahan itu menunjukkan terdapat tentangan dihadapi Kementerian Kesihatan (KKM) dalam meraih sokongan ahli Parlimen dalam meluluskan akta baharu ini.

Khabarnya, Akta Kawalan Produk Tembakau dan Rokok sudah lama dirangka, namun keputusan ditunda beberapa kali kerana tiada menteri benar-benar bersungguh dan berani menghapuskan gejala merokok hingga Khairy dilantik.

Akta baharu amat diperlukan kerana akta sebelum ini sudah lapuk, manakala landskap produk tembakau di seluruh dunia sudah berubah. Vape dan rokok elektronik menjadi medium baharu untuk mendapatkan nikotin.

Pada 2021, dianggarkan lebih 70 juta pengguna vape di dunia dan jika ditambah produk alternatif rokok, bilangan pengguna produk tembakau elektronik melebihi 120 juta orang. Ini jauh lebih kecil berbanding 1 bilion perokok konvensional.

Tidak dinafikan, kemunculan alternatif rokok bebas asap dan berasaskan elektronik menurunkan kadar perokok tegar di seluruh dunia. Ramai dahulunya menghisap rokok, beralih

kepada vape, rokok elektronik dan produk tembakau dipanaskan, kemudiannya meninggalkan teras tabiat buruk itu.

Permintaan vape terus meningkat

Pelbagai kajian saintifik mendapati produk alternatif rokok kurang memudaratkan berbanding rokok. Namun, ia masih mendatangkan bahaya dan mudarat kepada pengguna, walaupun tidak seburuk rokok konvensional.

Di negara ini, dianggarkan lebih kurang 1 juta pengguna vape dan rokok elektronik berbanding 5 juta perokok. Ini sangat ironik kerana penjualan vape terus meningkat. Oleh itu, kerajaan perlu

mengawal selia sesuatu tabiat melalui regulasi progresif dan inklusif.

Justeru, ahli Parlimen diharap memberi perhatian kepada klasifikasi produk alternatif ini. Sememangnya, kita maklum vape tidak sama dengan rokok, tetapi antara produk alternatif seperti perbezaan kategori vape, rokok elektronik dan produk tembakau dipanaskan perlu dijelaskan dalam akta baharu.

Jangan ada kekeliruan dan kawasan kelabu dalam regulasi yang boleh mengundang masalah lain pada masa hadapan. Regulasi baik bersifat jelas dan kontemporari.

Perlu kajian mendalam

Apabila bercakap mengenai akta baharu, umum hanya fokus kepada isu GEG sedangkan ia hanya sebahagian. Diharapkan ahli Parlimen bertindak bijak dan membincangkan keseluruhan akta ini dan bukan sahaja GEG. GEG adalah langkah baik dan jika perlu pisahkan sahaja daripada akta ingin dibentangkan.

Kaji sedalam-dalamnya dan pastikan segala butiran serta kajian dilakukan sebaik mungkin untuk memastikan satu Akta Kawalan Tembakau mendepani zaman dapat dizahirkan. Jangan terburu-buru dan tergesa-gesa menggubal akta separuh masak tanpa mengambil kira perubahan dalam pasaran dan industri pada masa akan datang.

Mengharamkan sesuatu adalah jalan mudah untuk memperkenalkan sesuatu undang-undang. Ini juga pengakuan terbuka seolah-olah kempen antirokok gagal sebelum ini dan kita berputus asa dalam meningkatkan kesedaran dan mendidik rakyat untuk mengurangkan gejala itu pada masa hadapan.



Akta kawalan tembakau perlu mengambil kira pelbagai faktor agar ia berkesan dalam menangani gejala merokok dalam masyarakat.
(Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

KKM tak tolak kajian keberkesanan kanabis untuk perubatan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengalu-alukan permohonan untuk menjalankan percubaan klinikal ke atas keluaran mengandungi ekstrak kanabis bagi apa-apa tujuan perubatan di Malaysia.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata setakat ini tiada sebarang percubaan klinikal ke atas apa-apa keluaran yang mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan perubatan sedang dijalankan di negara ini.

"Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 memang sudah sedia membenarkan keluaran ekstrak kanabis dibekal, diimport, dijual, diguna bagi tujuan perubatan, penyelidikan atau percubaan klinikal bagi tujuan perubatan bertakluk pada pematuan dan keperluan akta terbabit," katanya.

Beliau menjawab soalan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) pada sidang Dewan Rakyat semalam, yang meminta KKM menyatakan status perkembangan terkini kebenaran dan penggunaan kanabis perubatan di Malaysia.

Kemuka permohonan

Dr Noor Azmi berkata, mana-mana syarikat mempunyai bukti saintifik mencukupi mengenai keberkesanan produk mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan perubatan boleh mengemukakan permohonan pendaftaran produk itu kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) KKM.

Malah, katanya, syarikat yang mempunyai produk kanabis untuk perubatan yang sudah diluluskan di luar negara, boleh mendaftarkan produk mereka untuk dipasarkan di negara ini.

"KKM tidak menolak kajian terhadap keberkesanan kanabis perubatan. Sudah tiba masanya kita mengikut langkah 40 negara yang menggunakannya untuk merawat penyakit termasuk kanser, depresi dan epilepsi, KKM sedia melihat perkara baharu ini," katanya.

Bagi cadangan membezakan di antara kanabis, kanabis perubatan dan hemp dari aspek perundangan, beliau berkata, perkara itu bergantung kepada hasil dapatan Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum Bagi Tujuan Perubatan yang ditubuhkan KKM.

"Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji serta merangka hala tuju pembangunan industri kanabis dan ketum bagi tujuan perubatan," katanya.

Penularan COVID-19

4,503 kes positif baharu, 10 lagi kematian dilaporkan

Kedah rekod kadar tertinggi penggunaan katil ICU

Oleh Rafidah Mat Ruzki
 fidahruzkid@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia mencatat 4,503 jangkitan baharu COVID-19, kelmarin, dengan 10 lagi kematian akibat wabak itu di empat negeri.

Perkembangan itu menjadikan

penularan COVID-19 di Malaysia kini mencecah jumlah keseluruhan 4,664,213 kes, selain sudah meragut 35,942 nyawa, setakat tengah malam kelmarin.

Berdasarkan data dalam laman sesawang COVIDNOW, sebanyak 4,497 jangkitan baharu adalah penularan tempatan, manakala enam lagi kes import.

Korban baharu pula meliputi empat kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Daripada jumlah berkenaan, lima kematian dilaporkan di Perak, termasuk empat kes BID, Selangor (tiga) dan masing-masing satu di Pahang serta Pulau Pinang.

Dalam pada itu, sebanyak 3,847 kes sembuh dilaporkan, kelmarin, di samping 46,906 kes aktif ketika ini.

Ia merangkumi 45,318 kes menjalani isolasi di rumah, 1,505 dirawat di hospital, serta 24 ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

59 masuk ICU

Selain itu, 59 pesakit COVID-19 dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 30 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Ketika ini, kadar penggunaan katil ICU negara adalah 62 peratus, termasuk kes bukan CO-

VID-19, dengan Kedah merekodkan kadar tertinggi pada 82.9 peratus.

Ia diikuti penggunaan ICU sebanyak 77.4 peratus di Selangor; Kelantan (72.8); Labuan (71.4 peratus); Putrajaya (70.0 peratus); Kuala Lumpur (69.6 peratus); Johor (66.1 peratus); Melaka (65.9 peratus); Sabah (63.8 peratus); Negeri Sembilan (63.3 peratus); Perak (54.5 peratus) dan Sarawak (53.6 peratus).

Empat negeri mencatat kadar penggunaan katil ICU bawah 50 peratus, iaitu Pulau Pinang (47.5 peratus); Terengganu (45.2 peratus); Perlis (42.1 peratus) dan Pahang sebanyak 34.2 peratus).

Jangkitan ILI

Hospital daerah di Kelantan tambah katil

Tumpat: Tambahan katil sebanyak 10 peratus di semua hospital daerah di negeri ini dibuat bagi menampung kemasukan pesakit, termasuk jangkitan Penyakit Seperti Influenza (ILI).

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata langkah itu dilakukan sejak awal bulan ini susulan situasi dalam wad agak sesak.

Beliau berkata, sekiranya kemasukan pesakit terus meningkat dan wabak ILI tidak terkawal, Hospital Kuala Krai lama yang sebelum ini digunakan untuk menempatkan pesakit COVID-19 akan dibuka semula bagi mengawal situasi kesesakan.

"Kita tingkatkan sebanyak 10 peratus bilangan katil di hospital daerah dan jika masih berlaku peningkatan kes dan hospital terbabit tidak dapat menampung pesakit, Hospital Kuala Krai lama akan dibuka semula."

"Buat masa sekarang masih guna hospital daerah yang ada kerana kes masih terkawal dan tiada peningkatan mendadak kerana penularan ILI ini biasanya bermusim," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, situasi kesesakan dalam wad bukan sahaja berlaku di Kelantan, malah ia turut terdapat di hospital negeri lain kerana penularan ILI.

Terdahulu, beliau hadir dalam program Gotong-Royong Mega Cegah Denggi 1.0 peringkat negeri Kelantan dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat daerah Tumpat di padang Masjid An-Nur, Kota Kubang Labu, di sini.



Dr Izani (dua dari kiri) diiringi Dr Zaini (kiri) sampaikan sumbangan kepada Masjid An-Nur selepas merasmikan program Gotong-Royong Mega Cegah Denggi 1.0 peringkat negeri Kelantan dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat peringkat daerah Tumpat di Masjid An-Nur, Tumpat, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Program itu dirasmikan Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr Izani Husin.

Peningkatan 380 kes

Mengulas mengenai kes denggi di negeri ini, Dr Zaini berkata, berlaku peningkatan kepada 380 kes dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, berbanding 129 kes tahun lalu dan situasi itu

agak membimbangkan kerana terdapat dua kematian dicatatkan pada tahun ini.

"Jumlah kes yang dicatatkan agak merisaukan ditambah dengan keadaan cuaca yang tidak menentu, kita jangka akan berlaku peningkatan kes lagi."

"Pada sambutan Hari Denggi ASEAN dan Gotong-Royong Mega 1.0 Cegah Aedes kali ini, daerah Tumpat dipilih sebagai tuan

rumah atas pencapaian kes demam denggi yang menunjukkan trend penurunan kes disebabkan berbanding daerah lain mencatatkan peningkatan."

"Kebersihan persekitaran antara faktor penyumbang kepada penurunan kes disebabkan kurangnya tempat pembiakan nyamuk aedes dan saya meminta supaya pencapaian ini dapat dikekalkan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

OPERASI BANTERAS DOKTOR GIGI HARAM

Praktis 'ijazah' dua minggu

Gadis dicekup KKM mengaku belajar teknik rawatan hanya melalui kursus jangka pendek

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kini sesiapa pun boleh mencapai impian bergelar doktor gigi dengan mengikuti kelas ekspres 'haram' yang hanya mengambil masa dua minggu.

Walaupun tanpa kelu-

san akademik memuakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), individu berminat hanya perlu membayar yuran pengajian dan latihan menjadi doktor gigi profesional pada harga sekitar RM4,000.

Aktiviti itu dianggap mencemar reputasi doktor pergigian tulen yang perlu menghabiskan masa lima tahun untuk menamatkan pengajian program doktor pergigian di universiti tempatan atau luar negara.

Perkara itu didedahkan seorang 'graduasi' jurusan pergigian haram ditahan sepasukan pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di premis kecantikan di Bangi

di sini, semalam.

Dalam operasi khas itu, sepasukan anggota Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian KKM berjaya membongkar kegiatan haram itu yang berselindung di sebalik pusat kecantikan.

Gadis terbabit yang hanya mahu dikenali sebagai Zeti memaklumkan berminat mempelajari teknik rawatan gigi selepas ditawarkan mengikuti kursus jangka pendek oleh seorang pakar mendakwa berkelayakan dalam bidang estetik.

Menurutnya, dia diajar pelbagai teknik antaranya kaedah veneer gigi, pemasangan pendakap gigi, pemasangan gigi palsu (dentur), penskaleran gigi dan pemutihan gigi.

Dia berkata, kursus pergigian yang turut membabitkan latihan amali terhadap pelanggan ditamatkan dalam dua minggu sebelum dia diberi sijil pentauliah.

"Saya kemudian bekerja di butik kecantikan itu dengan menawarkan rawatan gigi hasil daripada ilmu dipelajari. Biasanya setiap rawatan dikenakan caj hingga hampir RM2,000," katanya.

Ditanya sama ada dia mengetahui perkhidmatan

ditawar itu salah, gadis itu memberi alasan tidak tahu ia bertentangan dengan undang-undang.

Berdasarkan fakta, program doktor pergigian bertauliah terbahagi kepada dua fasa membabitkan elemen akademik dan praktikal pergigian.

Penuntut akan mempelajari berkaitan sistem badan dalam kesihatan dan penyakit dengan topik ditujukan kepada keperluan doktor gigi dalam latihan.

Mereka turut menjalani latihan simulasi pada tahun kedua sebelum mendalami kemahiran praktikal langkah demi langkah bagi tahun ke tiga hingga ke lima selain pengajaran didaktik, seminar, kerja kursus makmal, tutorial, pembentangan klinikal kes dan projek.

Sementara itu seorang pelanggan 'doktor haram' yang hanya mahu dikenali sebagai Umi memaklumkan mengetahui khidmat ditawarkan melalui Instagram dan testimoni dikongsi.

Menurutnya, dia membuat temu janji sebelum ditawarkan rawatan veneer gigi pada kadar amat murah.

"Saya tidak tahu rawatan ini salah kerana pemilik premis menyertakan sijil pendaftaran di laman sosial. Sebab itu saya tak banyak soal, sama ada dia doktor bertauliah atau sebaliknya," katanya.



"Biasanya setiap rawatan dikenakan caj hingga hampir RM2,000 Zeti"

ANTARA peralatan digunakan untuk menawarkan khidmat pergigian haram.



PEGAWAI KKM memeriksa barangan digunakan di premis.



ZETI ditahan dalam serbuan KKM di sebuah premis kecantikan di Bangi.



BILIK rawatan digunakan oleh doktor gigi haram untuk melakukan rawatan terhadap pelanggan.

Kuala Lumpur: Isytihar perang habis-habisan terhadap kegiatan doktor gigi haram yang semakin bertambah bilangannya ketika ini. Itu tindakan Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang melakukan beberapa siri serbuan sejak kelmarin di sekitar Lembah Klang. Operasi dilakukan membabitkan pusat kecantikan di Bukit Jalil, Kuala Lumpur diikuti dua lagi serbuan di Bangi dan Subang Jaya, Selangor.

Sebelum ini operasi sama dilakukan oleh KKM terhadap pekerja butik kecantikan di Puchong dan Cheras, Kuala Lumpur.

Gigi palsu pun boleh dibikin



Operasi kedua membabitkan sebuah lagi premis kecantikan di Bangi yang dikesan menawarkan rawatan pergigian haram"

Sumber

Difahamkan khidmat rawatan pergigian haram itu tidak hanya membabitkan orang kebanyakan malah mendapat permintaan golongan selebriti dan artis.

Sumber KKM berkata, ser-

buan pertama dilakukan terhadap sebuah pusat kecantikan di Bukit Jalil di sini, sebelum pihak KKM menahan seorang doktor gigi haram untuk siasatan.

"Operasi kedua membabitkan sebuah lagi premis kecantikan di Bangi yang dikesan menawarkan rawatan pergigian haram.

"Ketika operasi, kami menahan seorang gadis berusia awal 20-an yang juga pekerja pusat kecantikan itu. Dua blik rawatan memiliki tiga katal ditemui selain pelbagai peralatan untuk rawatan antaranya veneer gigi, pemasangan pendakap gigi, pemasangan gigi palsu (dentur),

penskaleran gigi dan pemutihan gigi.

"Operasi ketiga membabitkan pusat kecantikan di Subang Jaya, Selangor. Seorang wanita menawarkan rawatan pergigian haram ditahan untuk soal siasat," katanya.

Menurutnya, tindakan boleh diambil terhadap doktor gigi haram mengikut Akta Pergigian 2018 [Akta 804] iaitu seseorang yang tidak berdaftar di bawah Akta ini tidak boleh menjalankan amalan pergigian.

"Jika disabitkan kesalahan

>> BERSAMBUNG DI MUKA 3

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Hampir semua peralatan diperlukan doktor gigi palsu boleh diperolehi melalui kedai menjual barangan perkakasan murah selain tempahan melalui platform jual beli dalam talian.

Itu antara modus operandi golongan doktor gigi haram yang dikesan memiliki hampir 80 peratus peralatan menyamai klinik doktor gigi bertauliah.

Mereka dikesan menggunakan platform jual beli dalam talian dan untuk mendapatkan pelbagai barangan dan peralatan diperlukan untuk veneer gigi, memasang pendakap gigi, pemasangan gigi palsu (dentur), penskaliran gigi dan pemutihan gigi.

Tinjauan wartawan di laman jual beli dalam talian terkemuka mendapati peralatan *dental tools* seperti alat oral diagnostik seperti kaca mulut (*mouh mirrors*), *dental pinset*, alat pemotong gigi (*Bein Dental Tool*), pigagari dan pelbagai peralatan lain dijual tanpa kawalan.

Walaupun Akta Pergigian 2018 menyenaraikan pelbagai peralatan pergigian dilarang dimiliki oleh pengamal bukan perubahan na-

Hampir semua peralatan boleh dibeli 'online'



GOLONGAN doktor gigi haram miliki hampir 80 peratus peralatan menyamai klinik doktor gigi bertauliah.



MELALUI Akta Pergigian 2018, pelbagai peralatan pergigian dilarang dimiliki oleh pengamal bukan perubahan na-

mun ternyata ia dijual secara bebas kepada orang ramai.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM Dr Noormi Othman turut mengakui kebimbangan itu berikutan hampir semua peralatan pergigian boleh dibeli secara bebas.

Menurutnya, kanser dalam mulut boleh berlaku atau menjadi bertambah serius kesan rawatan haram diberikan golongan doktor gigi tidak bertauliah ini.

Menurutnya, kanser mulut akan lebih melarat memandangkan pengamal pergigian haram ini tidak mempunyai ilmu dalam mengenalpasti keadaan mulut yang tidak normal.

"Setiap satu prosedur rawatan dikendalikan pengamal

pergigian haram ini memiliki bahaya tersendiri.

"Sebagai contoh, pemasangan pendakap gigi (*tooth braces*) untuk tujuan rawatan ortodontik iaitu rawatan membetulkan kedudukan gigi yang tidak teratur (gigi jongang atau gigi berlapis) boleh menyebabkan bahan digunakan tidak melekap dengan kemas.

"Ini seterusnya ada risiko bahan itu tertelan atau tersedut yang seterusnya boleh menyebabkan keradangan dan jangkitan paru-paru. Selain dari itu, tiada kepastian samada pendakap gigi digunakan selamat dan tidak menjejaskan kesihatan pesakit," katanya.

Menurutnya, bagi aktiviti pemasangan ve-

neer gigi, pihak KKM khawatir bahan yang digunakan tidak memenuhi standard.

"Ini boleh menyebabkan gigi patah atau terkeluar selain terdapat risiko pesakit tertelan serpihan bahan yang patah atau terkeluar ini.

"Manakala bagi rawatan pemutihan gigi (*tooth whitening*), doktor gigi haram ini dikesan menggunakan asid dengan kepekatan berlebihan yang dibeli di pasaran. Proses ini seharusnya dilakukan pengamal pergigian bertauliah iaitu doktor gigi yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia di bawah Akta Pergigian 2018

serta menjalankan perkhidmatan di premis kesihatan yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998," katanya.

Ada risiko bahan itu tertelan atau tersedut yang seterusnya boleh menyebabkan keradangan dan jangkitan paru-paru"

Dr Noormi Othman



« DARI MUKA 2

di bawah subseksyen 62(3), mereka boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Tindakan juga boleh diambil di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM Dr Noormi Othman sebelum ini menjangka kegiatan perkhidmatan doktor gigi palsu atau tidak bertauliah kembali meningkat selepas peralihan ke endemik.

Beliau berkata, pembukaan semula sektor ekonomi dan kebenaran rentas negeri memberi ruang kepada mereka untuk beroperasi kembali selepas ia tertangguh susulan pandemik Covid-19.



PEGAWAI KKM memeriksa pelbagai jenis peralatan digunakan oleh doktor gigi haram di premis kecantikan yang diserbu.



Menurutnya, kebanyakan doktor palsu atau pengamal perubatan haram itu menawarkan perkhidmatan secara mobil dengan mempromosikan perkhidmatan mereka menerusi media sosial.

Katanya, 528 aduan diterima di seluruh negara membabitkan kegiatan pengamal pergigian palsu da-


lam tempoh lima tahun bermula 2017.

Mengulas mengenai pecahan aduan diterima, Dr Noormi berkata, 377 kes atau 71.4 peratus membabitkan kes pendakap gigi palsu, 58 kes veneer pergigian dan lain-lain kes seperti pembuatan gigi palsu, cabutan gigi dan pemutihan gigi 93 kes.

528

Aduan kegiatan berkaitan doktor gigi palsu sejak 2017

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL



Keputusan FDA ini merupakan langkah penting demi mengukuhkan dan mempercepatkan tindak balas terhadap cacar monyet, termasuk membekalkan vaksin selamat dan berkesan kepada mereka yang berisiko tinggi terdedah kepada wabak itu"

Xavier Becerra

Lawan cacar monyet

FDA AS lulus 800,000 dos vaksin Jynneos buatan Denmark

Houston

Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat (AS) pada Rabu meluluskan hampir 800,000 dos vaksin Jynneos untuk memerangi wabak cacar monyet.

Vaksin Jynneos dihasilkan oleh Bavarian Nordic di Denmark dan ia digunakan untuk mencegah cacar monyet dan cacar.

Langkah itu penting bagi memerangi wabak cacar monyet di AS sebelum ia menjadi lebih parah.

"Keputusan FDA ini merupakan langkah penting demi mengukuhkan dan mempercepatkan tindak balas terhadap cacar monyet, termasuk membekalkan vaksin selamat dan berkesan kepada mereka yang berisiko tinggi terdedah kepada wabak itu," lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan Setiausaha Perkhidmatan Kesihatan dan Manusia (HHS) Xavier Becerra.

Beliau berkata FDA sudah mempercepatkan pemeriksaan dan kelulusan terhadap vaksin buatan Bavarian

Nordic ini bermakna tambahan sebanyak 786,000 dos vaksin kini tersedia untuk digunakan di AS.

"Dengan kelulusan Jynneos, HHS kini berusaha untuk menyediakan dos yang mencukupi kepada semua negeri di AS secepat mungkin. Tindakan agresif dalam memerangi wabak cacar monyet menjadi keutamaan HHS," katanya.

HHS memaklumkan pihaknya akan mengemukakan lebih banyak lagi peruntukan vaksin pada Khamis.

"Kami akan terus mem-

percepat dan mengukuhkan tindak balas dalam beberapa hari akan datang dan akan bekerjasama dengan rakan kongsi di lapangan, dalam komuniti dan di peringkat antarabangsa untuk memerangi virus ini dan melindungi mereka yang berisiko.

"Saya memuji seluruh pasukan FDA atas usaha gigih mereka dalam menyediakan vaksin tambahan secepat mungkin sambil memastikan ia memenuhi standard kualiti dan tahap keselamatan yang tinggi," kata Becerra.

Katil hospital ditambah 10%

Tumpat: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) sudah menambah bilangan katil sebanyak 10 peratus di seluruh hospital negeri ini bagi menampung peningkatan kemasukan pesakit sejak awal bulan ini.

Pengarahnya Datuk Dr Zaini Hussin berkata langkah diambil memandangkan penggunaan katil sedia ada di wad hospital negeri itu telah melebihi kapasiti dengan kemasukan pesakit.

"Setakat ini kita masih menggunakan hospital sedia ada termasuk hospital daerah. Namun, sekiranya berlaku peningkatan kemasukan pesakit ke wad dan menyebabkan penambatan katil itu sudah tidak mampu untuk menampung pesakit, kita akan mengoperasikan semula Hospital Kuala Krai lama.

"Malah, dari segi struktur dan kemudahan yang ada di Hospital Kuala Krai lama masih elok dan boleh digunakan lagi, sekiranya ada keperluan kita akan menggunakannya semula untuk menempatkan pesakit di wad hospital berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Gotong-Royong Mega Cegah Denggi 1.0 & Jelajah Agenda Nasional

Malaysia Sihat Peringkat Jajahan Tumpat di Masjid An-Nur, Kubang Labu di sini, semalam.

Terdahulu majlis berkeajaan dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri Dr Izani Husin.

Sementara itu, mengulas mengenai situasi denggi di Kelantan, Dr Zaini berkata kes demam denggi pada tahun ini merekodkan peningkatan berbanding tempoh sama tahun lepas.

Beliau berkata setakat 23 Julai, sebanyak 382 kes telah dilaporkan berbanding 129 kes pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak 253 (196.1%) kes dengan dua kes kematian direkodkan berbanding tiada kematian pada tempoh sama tahun lepas.

"Kebersihan persekitaran mungkin menjadi faktor yang menyumbang kepada trend penurunan ini disebabkan kurangnya tempat pembiakan nyamuk aedes.

Oleh itu, sempena sambutan Hari Denggi Asean dan Gotong-Royong Mega 1.0 Cegah Aedes kali ini, daerah Tumpat dipilih sebagai tuan rumah atas pencapaian kes demam denggi yang menunjukkan trend penurunan sedangkan daerah lain meningkat," katanya.

"Kes demam denggi pada tahun ini merekodkan peningkatan"
Dr Zaini

KBM USM bantu 342 individu berhenti merokok sejak 2002

Georgetown: Terus bantu individu yang mahu berhenti ketagihan merokok, antara inisiatif berterusan sejak 20 tahun lalu yang dilakukan Klinik Berhenti Merokok (KBM), Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) di sini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2002 sehingga kini, klinik berkenaan sudah merawat 342 individu yang tidak mahu berhenti mero-

kok.

Pegawai Perubatan Pusat Sejahtera USM Dr Mohd Hisyamuddin Sabery berkata, daripada jumlah itu, 80 atau 23 peratus daripadanya berjaya menghentikan tabiat merokok mereka.

Katanya, rawatan berkenaan membabitkan golongan usia antara 20 hingga 55 tahun dan terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Majoriti yang menerima rawatan di sini adalah lelaki berbanding wanita dan kebanyakannya terdiri daripada pelajar iaitu seramai 194 individu atau 56 peratus.

"Manakala, 120 individu atau 35 peratus lagi adalah golongan bekerja dan selebihnya adalah golongan pesara dan lain-lain," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Hisyamuddin berkata, tahap ketagihan individu itu boleh dikesan ketika mereka tampil ke Pusat Sejahtera bagi mendapat rawatan sebagai pesakit luar.

Katanya, jika kesakitan pesakit itu disyaki berpunca daripada tabiat merokok atau bukan perokok yang terdedah kepada asap rokok terpakai (second hand smoke), mereka akan ditawarkan

menjalani sesi kaunseling atau terapi gentian nikotin (NRT) di KBM.

"Terdahulu, pesakit perlu menjalani kaji selidik bagi mengenal pasti tahap ketagihan sebelum melakukan beberapa prosedur seperti pemeriksaan darah, kesihatan jantung dan parameter klinikal lain.

"Ada yang secara sukarela tampil bagi menjalani rawatan itu dan pemantauan

susulan biasanya dilakukan bagi tempoh antara seminggu sehingga enam bulan bergantung kepada tahap ketagihan.

"Terdapat beberapa pendekatan iaitu sesi kaunseling, pemberian ubatan bagi mengurangkan ketagihan atau kedua-duanya sekali dan individu itu diangap berjaya jika tidak merokok melebihi tempoh enam bulan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : LOKAL

USAHA mewujudkan generasi bebas daripada sebarang amalan pengambilan tembakau termasuk rokok dan vape memerlukan sokongan semua pihak.



15.6 PERATUS REMAJA 15-19 TAHUN PEROKOK AKTIF

'Hamba' tembakau

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 15.6 peratus daripada remaja berusia 15 hingga 19 tahun di Malaysia menggunakan produk tembakau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data itu diperoleh berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada 2019.

"Dapatan itu menunjukkan 11.6 peratus dalam kalangan usia itu adalah perokok aktif dan 7.5 peratus lagi menggunakan vape atau

e-rokok.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 15.6 peratus daripada semua remaja di Malaysia berumur 15 hingga 19 tahun menggunakan produk tembakau," katanya dalam hantaran di Facebook (FB) rasmi beliau semalam.

Dalam hantaran sama, beliau menyeru sokongan masyarakat terhadap usaha kerajaan melaksanakan Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dalam mewujudkan generasi bebas daripada sebarang amalan pengambilan tembakau termasuk

rokok dan vape.

"Beri sokongan penuh kepada usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melaksanakan akta untuk mengharamkan rokok, vape dan semua alat merokok kepada generasi yang lahir selepas 2007.

"Ibu bapa yang prihatin, bukan perokok dan pesakit yang mengalami kesan buruk merokok mesti menyuarakan sokongan anda.

"Tag Ahli Parlimen anda di media sosial, hubungi mereka atau hantarlah e-mel.

"Anda boleh melakukan perubahan dan menjadi sebahagian daripada sejarah negara bagi memastikan kesejahteraan masa depan anak-anak kita," katanya.

Bacaan pertama Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 itu dibentangkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar di Dewan Rakyat, kelmarin.

RUU berkenaan memperuntukkan larangan merokok produk tembakau atau pengganti bahan itu serta penggunaan peranti merokok kepada individu yang lahir pada 2007 dan seterusnya.

Bacaan kedua RUU berkenaan dijangka dibentangkan minggu hadapan.

"Beri sokongan penuh kepada KKM melaksanakan akta haramkan rokok, vape"
Dr Noor Hisham

Bukan perokok suarakan sokongan!

Putrajaya: Ibu bapa, individu bukan perokok dan pesakit yang mengalami kesan buruk merokok perlu menyuarakan sokongan masing-masing terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 yang kini dibentangkan di Dewan Rakyat untuk membolehkan ia diluluskan kerajaan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam satu hantaran melalui media sosial semalam berkata, pihak berkepentingan itu boleh menyuarakan hasrat mereka dengan cara menetag Ahli Parlimen kawasan masing-masing di media sosial, menghubungi mereka atau menghantar e-mel kepada wakil rakyat terbabit.

"Semua mata kini tertumpu kepada Ahli Parlimen susulan bacaan kedua RUU Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 yang dijadualkan pada minggu hadapan.

"Rang undang-undang berkaitan Generasi Penamat (*generational end game*, GEG) bertujuan untuk mengharamkan penjualan dan penggunaan produk rokok dan vaping pada semua mereka yang lahir pada 2007 dan tahun-tahun selepasnya," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Tinjauan Kesihatan dan

Morbiditi Kebangsaan 2019 menunjukkan dalam kalangan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun mendapati sebanyak 11.6 peratus daripada mereka adalah perokok aktif dan 7.5 peratus menggunakan vape atau e-rokok.

Beliau berkata, secara keseluruhan 15.6 peratus daripada semua remaja di Malaysia yang berusia antara 15 hingga 19 tahun menggunakan produk tembakau.

"Anda boleh melakukan perubahan dan menjadi sebahagian daripada sejarah negara bagi memastikan kesejahteraan masa depan anak-anak kita," katanya.

Kelmarin, Khairy membentangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang antara lain mengetengahkan larangan merokok apa-apa produk tembakau atau pengganti tembakau serta larangan penggunaan peranti merokok oleh mana-mana individu yang lahir pada 2007 dan seterusnya.

RUU itu juga mengadakan peruntukan bagi pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau selain mengawal pengiklanan, promosi dan penajaan, penjualan serta pembelian produk tembakau, bahan merokok dan produk pengganti tembakau.

Khairy bentang RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 kelmarin

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

15.6 peratus remaja guna produk tembakau

Melibatkan perokok aktif dan pengguna vape seluruh Malaysia

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan sejumlah 15.6 peratus remaja berusia 15 hingga 19 tahun di negara ini menggunakan produk tembakau.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dapatan itu diperolehi hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2019.

"Daripada peratusan itu, sejumlah 11.6 peratus golongan itu ialah perokok aktif dan 7.5 peratus menggunakan rokok elektronik (vape)," katanya menerusi hantaran di laman sosialnya pada Khamis.

Hantaran itu sebahagian kempen kerajaan dalam melaksanakan Rancangan Undang-undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022.

Bacaan kedua RUU itu dijangka dibentangkan pada minggu hadapan oleh Menteri Kesihatan, Khairy



11.6 peratus adalah perokok aktif dan 7.5 peratus lagi merupakan pengguna vape. Gambar kecil: Dr Noor Hisham.

Jamaluddin Abu Bakar.

Dr Noor Hisham berkata, ibu bapa yang prihatin, individu bukan perokok dan pesakit akibat rokok digesa menyuarakan sokongan.

"Tindakan (tag) ahli Parlimen anda di media sosial, hubungi mereka atau hantarkan e-mail," katanya.

Ujarnya, tindakan dan sokongan daripada semua pihak mampu membawa perubahan sekali gus menjadi sebahagian daripada sejarah negara.

"Ini bagi memastikan kesejahteraan

an masa depan anak-anak kita," katanya yang turut memperkenalkan tanda pagar sokongan terhadap RUU itu iaitu #SayaSokongGEG.

Pada Rabu, Khairy membentangkan RUU itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat.

RUU itu memperuntukkan larangan individu lahir pada 1 Januari 2007 daripada membeli, merokok dan memiliki produk tembakau atau vape.

Di bawah RUU berkenaan, mereka yang didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

Kesan vape bertambah teruk beberapa tahun lagi

SHAH ALAM - Pakar perubatan menjangkakan kesan penggunaan rokok elektronik (e-rokok) atau vape dalam kalangan rakyat Malaysia menjadi lebih teruk dalam masa beberapa tahun akan datang.

Pakar Perunding Perubatan Keluarga dan Felo Kawalan Tembakau, Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Profesor Madya Dr Nur Amani Ahmad Tajuddin berkata, kesannya dilihat lebih ketara setelah kanak-kanak dan remaja yang menghisap vape dalam tempoh ini meningkat dewasa.



DR NUR AMANI

Menurutnya, ketagihan vape sangat tinggi, malah terbukti individu yang tidak pernah merokok sebelum ini juga mula terdedah dengan rokok elektronik.

"Apabila mula (menghisap) vape, (mereka) akan ketagihan bahan lain. Impak itu sangat tinggi dalam kalangan remaja serta kanak-kanak kerana mereka mengalami perubahan hormon serta tumbesaran badan.

"Otak yang berkembang, ditambah tekanan rakan sebaya mendorong mereka menjadi penghisap vape kemudian bertukar kepada rokok.

"Pusat Racun Negara melaporkan, kes keracunan vape dalam kalangan kanak-kanak melibatkan usia empat bulan (paling muda), manakala enam kes pada tahun 2019 dan 13 kes pada 2020," katanya.

Dr Nur Amani berkata, vape bukan sahaja memberi kesan pada paru-paru, tetapi menimbulkan masalah pada saluran darah dan menyebabkan penyakit jantung.

Katanya, kajian The Johns Hopkins University pada Oktober 2021 mendapati, vape mengandungi lebih 1,000 bahan kimia antaranya kafein, tiga kimia baharu, racun serangga serta perisa dan pewarna tiruan.

"Kesan vape akan terus dirasai oleh penghisap, misalnya degupan jantung dan tekanan darah meningkat serta kesan jangka panjang seperti serangan jantung.

"Ada pesakit yang mendapat masalah popcorn lung dan Evali (penyakit berkaitan paru-paru akibat vape) dalam tempoh kurang setahun," katanya.

Didik generasi 2007 dan ke atas bebas rokok - Khairy

SHAH ALAM - Keputusan mengharamkan penjualan rokok kepada generasi yang lahir selepas 2007 dibuat bagi mendidik masyarakat, dan tidak dibuat secara terburu-buru.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menjelaskan, terdapat pihak yang mempertikaikan tindakan tersebut dan mempersoalkan mengapa ia tidak dilaksanakan serta-merta.

"Keputusan seperti ini tidak boleh dibuat mendadak dan terburu-buru kerana kita perlukan masa untuk mendidik masyarakat. Jadi kita memilih untuk menggunakan pendekatan berperingkat di mana akta berkenaan terpakai kepada generasi yang lahir pada dan selepas 2007.

"Ini supaya akta tersebut difahami dan diterima generasi yang akan terkenas dengan peruntukan berkenaan," katanya menerusi satu video yang dikongsi Kementerian Kesihatan (KKM) di Twitter pada Khamis.

Menurut Khairy, tindakan itu memberi masa yang cukup kepada golongan terlibat untuk memahami bahawa mereka akan menjadi generasi pertama yang membawa penamat kepada tabiat merokok.

"Polan pelaksanaan peruntukan Generational End Game Anti Rokok-18 (GEG) atau GEAR-18 telah dilancarkan bagi memastikan persekitaran bebas tanpa tabiat merokok tersedia untuk generasi tersebut," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Larangan merokok tidak langgar hak asasi

PUTRAJAYA: Larangan merokok kepada golongan yang lahir pada dan selepas 1 Januari 2007 tidak bercanggah dengan kebebasan asasi sebagaimana termaktub dalam Perkara 5 hingga 13 Perlembagaan Persekutuan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar perlembagaan daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, malah, larangan tersebut tidak mencabuli hak kesamarataan yang dijamin Perlembagaan.

Beliau berkata, penggubalan rang undang-undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022 yang bertujuan mengawal amalan merokok juga selaras dengan kuasa di bawah undang-undang Persekutuan menurut Jadual ke-9 berhubung dengan kesihatan.

Ini memandangkan telah terbukti menerusi laporan kesihatan bahawa merokok memberi kesan kepada kesihatan, bukan sahaja kepada perokok malah mereka yang terhidu asap rokok.

Kata beliau, faktor kesihatan awam merupakan alasan yang cukup kuat dalam penggubalan sekatan kepada mana-mana kumpulan umur, bahkan dalam hak kebebasan beragama juga



LANGKAH kerajaan mahu mewujudkan undang-undang larangan merokok kepada mereka yang lahir selepas 1 Januari 2007 dialu-alukan oleh pelbagai pihak.

menurut Perkara 11(5) boleh dikenakan sekatan jika melibatkan kesihatan awam.

"Dalam Perkara 8(2) yang disenaraikan bentuk diskriminasi iaitu agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang, tidak dinyatakan umur.

"Justeru, jika Perlembagaan tidak menghalang diskriminasi umur di bawah Perkara 8, maka tiada sebab orang yang lahir selepas 1 Januari 2007 tidak boleh untuk tidak dibenarkan merokok," katanya di sini semalam.

Semalam, Juruperunding

Utama bagi kumpulan pemikir, Arunachala Research & Consultancy Sdn. Bhd. (ARRESCON), R. Paneir Selvam berpandangan, keputusan unilateral kerajaan melarang produk rokok, termasuk vape dan rokok, bagi mereka yang lahir selepas 2007, melanggar hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (FC) dan Akta Perlindungan Pengguna (CPA) 1999.

Beliau turut memberitahu, batasan tarikh kelahiran bagi maksud tertentu juga berlaku dalam undang-undang kewarganegaraan.

Sebagai contoh mudah, katanya, usia pencen perkhidmatan awam yang mana kesemuanya merupakan diskriminasi umur, tetapi bersifat diskriminasi positif.

Bagaimanapun, jelasnya, di bawah Perkara 8 termaktub diskriminasi yang tidak dibenarkan iaitu apabila memberi kelebihan atau kekurangan atas alasan rakyat raja bagi mana-mana negeri di Malaysia, atau diskriminasi pihak berkuasa awam disebabkan seseorang itu bermastautin atau menjalankan perniagaan di mana-mana bahagian Persekutuan di luar bidang kuasa pihak berkuasa itu.

Perkara 8(5) juga memperuntukkan pengecualian lain yang dibenarkan oleh Perlembagaan.


Justeru, katanya, semua ahli Parlimen iaitu sebagai pemimpin bertanggungjawab kepada rakyat sewajarnya memberikan sokongan penuh kepada RUU berkenaan.

"Cukup cukuplah kita berdalak-dalik isu rokok ini. Inisiatif Kawalan Produk Tembakau dan Merokok adalah amat bagus. Kita cuba untuk menjauhkan rokok ini daripada kanak-kanak yang tidak tahu erti ketagihan nikotin," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : FORUM



N. V. SUBBAROW mewakili Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) meminta sokongan semua ahli Parlimen untuk bersatu agar Rang Undang-undang Kawalan Tembakau dan Merokok diluluskan di Parlimen.

Rokok: Perlu sokongan penuh ahli Parlimen

SAUDARA PENGARANG,

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa semua ahli Parlimen memberikan sokongan penuh terhadap Rang Undang-undang Kawalan Tembakau dan Merokok apabila ia dibentangkan demi kesejahteraan dan kesihatan anak muda generasi akan datang.

Kabinet telah membenarkan rang undang-undang ini dan sekali gus bermakna ia berkemungkinan akan dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang bermula 18 Julai lalu.

Apabila ia dibentangkan di Dewan Rakyat, CAP meminta semua ahli Parlimen memberikan sokongan sepenuhnya untuk rang undang-undang kawalan tembakau ini.

Kebanyakan ahli Parlimen tidak menyatakan pendirian mereka mengenai 'permainan akhir generasi' ini untuk merokok dan vape sejak Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumulkannya secara terbuka pada Januari lalu.

Sehubungan itu, CAP mahukan semua ahli Parlimen memberikan sokongan sepenuhnya untuk undang-undang baharu ini diluluskan.

Kami juga akan menyenaraikan nama-

nama ahli Parlimen yang tidak memberikan sokongan dan akan mendedahkannya kepada rakyat.

Selain itu, CAP juga meminta semua menteri besar dan ketua menteri untuk tidak lagi mengeluarkan lesen baharu menjual vape dan e-rokok demi kesejahteraan dan kesihatan golongan muda.

Ini kerana tinjauan olah CAP baru-baru ini mengenai penggunaan vape dan e-rokok dalam kalangan golongan muda mendapati meningkat dua kali ganda berbanding tahun lalu dan ramai gadis muda yang ketagih dengan peranti ini.

Sebelum ini CAP turut menggesa vape dan e-rokok diharamkan demi generasi masa depan yang lebih sihat.

Lebih banyak kempen pendidikan kesihatan mengenai bahaya vape dan e-rokok perlu dimulakan di sekolah dan universiti. Ibu bapa juga mestilah memainkan peranan yang sangat penting dalam perkara ini untuk mendidik anak-anak mereka.

N.V. SUBBAROW

Pegawai Pendidikan
Persatuan Pengguna Pulau Pinang

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : FORUM

UTUSAN: Menurut laporan Datametrics Research and Information Center (DARE), Generasi Penamat yang diperkenalkan akan menyaksikan peningkatan perdagangan haram daripada 58.4 peratus kepada 61.7 peratus. Boleh jelaskan?

PANKAJ: Dari tinjauan kesihatan 2019, data itu agak jelas. Kalau kita lihat dari segi umur daripada 15-19 tahun, itu merupakan 15.6 peratus daripada populasi negara adalah perokok. Jika dasar Generasi Penamat diluluskan dan digubal sebagai undang-undang, kesemua mereka itu akan pindah ke pasaran gelap dan itu boleh menyebabkan peningkatan aktiviti perdagangan haram.

Laporan DARE juga jelas menunjukkan Generasi Penamat tidak akan berkesan, sebaliknya memberi manfaat kepada aktiviti penyeludupan kerana ia mendorong perokok tegar atau baharu ke pasaran gelap untuk mendapatkan bekalan produk tembakau. Mereka ada alternatif lain.

Kita pun sedia maklum, New Zealand telah bentangkan RUU Generasi Penamat Selasa lalu dan Malaysia sememangnya berhasrat untuk mengikut langkah itu, tetapi kena ingat yang data untuk industri tembakau di negara ini sangat berbeza kerana aktiviti perdagangan haram yang tinggi berbanding di New Zealand.

Tetapi pelaksanaan Generasi Penamat tembakau adalah untuk menghentikan tabiat merokok yang bahaya kepada kesihatan?

PANIER: Apabila kita buat satu larangan, dari segi psikologi ia menggalakkan orang ramai melakukan perkara yang dilarang itu. Jadi ini satu strategi salah dan langkah yang tak sepatutnya berlaku pada masa ini. Masanya tak sesuai.

Langkah ini terlalu terburu-buru sebab ada masalah lain yang lebih berat seperti ekonomi, inflasi, kenaikan harga barang dan pengangguran berbanding isu ini yang boleh dikatakan remeh.

Apabila cadangan itu dibuat, saya pun tak pasti sama ada kementerian atau menteri berkenaan membuat satu kajian yang mendalam dari pelbagai sudut seperti ekonomi, psikologi dan kesan sosial berbanding dari aspek kesihatan semata-mata.

DR. ARIFIN: Sekiranya kita itu mengenakan larangan menyeluruh atau blanket ban kepada semua jenis tembakau atau apa-apa produk berkaitan tembakau, saya tak yakin Generasi Penamat itu akan berjaya dengan mengambil kira landskap negara ini. Apabila kita teliti kajian, wabak rokok melanda negara berpendapatan sederhana-rendah (LMIC) dan perlu juga diingat status sosio ekonomi adalah faktor penting yang menjadi penentu mendorong individu mengenai tabiat rokok.

Jadi, Malaysia tak boleh dibandingkan dengan New Zealand yang berpendapatan tinggi dan kadar perokoknya rendah berikutan faktor sosio ekonomi. Sekiranya blanket ban dilaksanakan juga, mereka yang berstatus rendah cenderung untuk memilih tawaran daripada pasaran haram kerana harganya juga murah.

Pelaksanaan blanket ban itu



AHLI panel yang menyertai perbincangan meja bulat eksklusif bertemakan 'Malaysia bebas asap rokok' di Petaling Jaya, kelmarin.

Generasi Penamat dan cabaran penyeludupan rokok

Oleh **AHMAD FADHULLAH ADNAN**
 utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pelbagai kempen bagi membantu mengatasi tabiat merokok telah dilaksanakan Kementerian Kesihatan sejak dahulu, namun dilihat tidak efektif dan gagal mencapai sasaran.

Buktinya dapat dilihat berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 yang menunjukkan bilangan perokok di Malaysia terus meningkat kepada 4.8 juta orang pada 2021 berbanding 4.7 juta pada 2011.

Malah, kekerapan merokok di negara ini berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 21.3 peratus.

Justeru, bagi menangani tabiat itu, Kabinet baru-baru ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) kawalan tembakau dan merokok yang melarang aktiviti merokok dan pemilikan sebarang produk berkaitan rokok termasuk jenis elektronik bagi generasi muda yang lahir selepas 2007.

Polisi dikenali sebagai *Generational End Game* (Generasi Penamat) itu telah dibentangkan di Parlimen.

Namun, langkah drastik yang diambil itu mencetuskan seribu satu persoalan sehingga mendapat reaksi pelbagai pihak mengenai keberkesanannya dan kebolehlaksanaan terutama dalam beberapa situasi terkini negara ini. Lebih membimbangkan,

Datametrics Research and Information Sdn. Bhd. (DARE) dalam laporan bertajuk 'Malaysia tanpa asap rokok' mendedahkan, 83 peratus rakyat di negara ini berpendapat aktiviti perdagangan rokok seludup akan meningkat mendadak susulan larangan penjualan kepada individu yang lahir selepas 2007.

Sehubungan itu, satu perbincangan meja bulat eksklusif bertemakan 'Malaysia Bebas Asap Rokok' dibawakan *Utusan Malaysia* bersama empat ahli panel.

Empat ahli panel itu terdiri daripada Presiden Pusat Lanjutan untuk Advokasi Rawatan Ketagihan (ACATA), Dr. Ariffin Fii; Pengarah Urusan DARE, Pankaj Kumar; Kolumnis Undang-Undang,

R. Paneir Selvam dan wakil Pusat Pilihan Pengguna (CCC), Tarmizi Anwar.

Mereka berpandangan, strategi Pengurangan Kemudaran Tembakau (THR) perlu digunakan dalam mempromosikan produk alternatif yang kurang memberi kemudahan dan memberi peluang kepada perokok untuk hidup lebih sihat.

Kata mereka, keadaan sosio ekonomi dan landskap negara juga menimbulkan perdebatan sama ada Malaysia bersedia ke arah generasi penamat yang berkemungkinan boleh memakam diri sekiranya dasar itu tetap dilaksanakan.

Berikut adalah intipati perbincangan yang dijalankan.

seolah-olah menjadi serampang dua mata kerana ia meningkatkan rokok seludup dan jumlah perokok kerana mampu membeli rokok. Jika blanket ban dilaksanakan juga, ia bukan sahaja larangan kepada produk rokok tetapi juga produk seperti vape. Padahal produk vape merupakan satu kaedah berguna sebab mudaratnya kurang.

TARMIZI: Secara jujur saya kurang yakin dengan polisi yang cuba dilakukan kerajaan. Kalau dilihat polisi seperti mengenakan cukai yang tinggi kepada tembakau, akhirnya menyuburkan pasaran gelap dan membuka ruang yang lebih besar kepada pengguna untuk mendapatkan harga yang lebih murah. Lihat sahaja larangan dadah, ia tetap tidak menyelesaikan masalah bahkan banyak sindiket dadah yang dijalankan di pasaran gelap.

Sebagai alternatif lain, kerajaan sewajarnya melakukan satu dasar

yang mesra pengguna atau yang lebih dikenali sebagai THR. Jadi di Malaysia, alternatif kebiasaan adalah produk vape kerana ia 95 peratus menyerupai rokok. Kita kena faham bahawa ketagihan itu adalah satu masalah rumit dan tidak boleh dengan mudahnya dikenakan larangan.

Kenapa Generasi Penamat tidak akan berkesan di Malaysia?

PANKAJ: Kadar perokok di Malaysia adalah 21.3 peratus, tetapi kadar perokok masing-masing di New Zealand dan Singapura adalah 10.1 serta 10.9 peratus. Ini separuh dari angka di Malaysia. Di Malaysia juga, kadar perdagangan haram hampir 60 peratus tetapi cuma kira-kira 10 peratus bagi New Zealand dan Singapura.

Kita kena lihat juga, New Zealand terutamanya sebelum memperkenalkan RUU itu, mereka menggunakan vape sebagai kaedah

berhenti tabiat merokok. Jadi mereka ada alternatif lain. Namun, di Malaysia kemungkinan alternatif lain itu sekiranya larangan itu dikuatkuasakan adalah produk tembakau yang banyak di pasaran haram.

Adakah larangan ini telah mencabuli hak pengguna?

TARMIZI: Perkara penting untuk kita lihat adalah ketagihan itu merupakan satu isu yang rumit. Jadi paksan untuk berhenti tanpa diberikan pilihan adalah satu masalah besar. Saya akui merokok menyebabkan risiko kepada kesihatan diri. Cuma sebagai pengguna, individu wajar tentukan apa yang terbaik untuk dirinya apabila meningkat usia 18 tahun dan bukannya tugas kerajaan.

Apakah yang boleh dilakukan kerajaan untuk mengurangkan tabiat merokok?

PANKAJ: Cara terbaik adalah

mengawal penyeludupan rokok. Itu adalah kunci yang bukan sahaja mengurangkan kadar perdagangan haram, tetapi dapat membantu kutipan cukai.

Kita perlu sedar, RUU yang ingin dilaksanakan itu bukan *silver bullet*, jadi kerajaan harus memandang serius bagaimana untuk menyelesaikan masalah itu terutamanya menaikkan kadar pendapatan rakyat.

Rokok sah memang mahal. Tetapi kalau pendapatan tak naik, rakyat tak mampu beli rokok mahal. Jadi itu menyebabkan rokok seludup dapat permintaan tinggi. Bagaimanapun, sudah tentu larangan Generasi Penamat mungkin dilihat sebagai satu cara untuk menghentikan atau mengurangkan perokok di Malaysia.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : FORUM

Tetapi ia tidak berkesan kerana budaya ekonominya adalah sederhana rendah.

TARMIZI: Dalam satu kajian yang dilaksanakan pusat pembangunan kesihatan antarabangsa baru-baru ini, kira-kira 49 peratus perokok memilih mengurangkan atau berhenti tabiat itu dengan memilih produk vape.

Jadi, apabila mereka cuba melarang sepenuhnya produk tembakau seperti rokok dan vape, ia satu tindakan mengecewakan pengguna yang serius untuk beralih kepada kesihatan yang lebih baik. Satu-satu dasar itu sepatutnya memberi pilihan kepada pengguna kerana pengguna tahu apa yang terbaik buat diri mereka.

PANIER: Kempen mendidik dalam menangani tabiat merokok perlu dilaksanakan dengan lebih efektif lagi walaupun mengambil tempoh masa yang lama. Dengan perkembangan teknologi, kerajaan boleh menggunakan media sosial sebagai kempen untuk mendidik generasi muda. Satu strategi yang lebih inovatif perlu diambil dalam menyedarkan generasi muda masa kini.

Kita boleh lihat apa yang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) buat dalam menangani keburukan rasuah. Dulu menggunakan pendakwaan rasuah itu haram, tetapi mereka sedar susah untuk memulihkan rasuah, jadi mereka berkempen dan mendidik terutamanya di sekolah tentang keburukan rasuah. Memang proses itu mengambil jangka masa panjang, tetapi ia berkesan apabila kita lihat generasi Z pada hari ini sangat peduli tentang rasuah.

Bagaimanakah strategi pengurangan kemudahan boleh menyumbang ke arah mengurangkan kelaziman merokok?

DR. ARIFIN: Kita kena faham bahawa ketagihan merokok adalah ketagihan kepada nikotin. Tetapi yang menyebabkan rokok itu memudaratkan adalah tembakau dan pembakaran tembakau apabila lebih 90 peratus kemudahan disebabkan kedua-dua itu. Nikotin tidak berbahaya, tetapi



DR. ARIFIN FII

pembakaran pada tembakau yang menyebabkan segala kemudahan pada rokok.

Jadi, dalam konsep THR, kita gantikan dengan satu alat yang boleh memberi nikotin, namun tidak mengandungi tembakau atau pembakaran tembakau. Cara rawatan pengurangan itu seolah-olah terapi penggantian. Maka, yang popular pada hari ini adalah peranti elektronik seperti apa yang diperkenalkan di New Zealand dan United Kingdom. Banyak juga bukti saintifik dari institusi terkenal yang sudah iktiraf bahawa produk vape sangat kurang mudarat, jadi kena faham konsep sebenar itu.

Justeru, apabila blanket ban dilaksanakan sepenuhnya, ia akan menyebabkan orang berhenti merokok hilang peluang untuk mendapatkan alternatif lain yang kurang berbahaya. Maka, dasar

“New Zealand terutamanya sebelum memperkenalkan RUU itu, mereka menggunakan vape sebagai kaedah berhenti tabiat merokok.”

PANKAJ KUMAR



R. PANEIR SELVAM

Generasi Penamat itu perlu juga fikir baik dan kebajikan mereka yang merokok.

PANKAJ: Kita lihat sahaja New Zealand, negara itu menjalankan kempen besar-besaran dalam mengurangkan kelaziman merokok dengan membantu menghentikan tabiat itu melalui strategi THR, iaitu menggunakan produk vape sebagai satu cara alternatif lain.

Jika kita mencontohi New Zealand dengan memperkenalkan kaedah pengurangan tembakau seperti vape, kita juga boleh mencapai kadar perokok yang lebih rendah dari apa yang dicatatkan hari ini.

Berdasarkan analisis DARE, adakah Malaysia akan melihat pengurangan kadar perokok dan kos berkaitan rokok dengan mengamalkan strategi pengurangan kemudahan?

PANKAJ: THR boleh mengurangkan kadar perokok di Malaysia lebih kurang 200,000 hingga 220,000 orang setahun berdasarkan konsep digunakan di UK apabila memperkenalkan produk vape. Malah, jika diambil peratusan sama, impak pengurangan ini boleh menurun daripada 4.9 juta kepada 4 juta perokok dalam masa tiga hingga empat tahun.

Laporan sebelum ini juga ada menyatakan, perbelanjaan kesihatan membabitkan rokok pada 2025 akan meningkat sehingga RM7.5 bilion, tetapi kita boleh jimat sehingga RM1.3 bilion jika kita boleh mengurangkan kadar perokok.

Apakah kaedah mengurangkan kemudahan seperti vape harus dikawal di Malaysia?

PANIER: Sememangnya produk itu harus dikawal dan bukannya terus diharamkan. Tetapi, kita perlu berhati-hati kerana kadang-kadang produk vape itu digunakan bahan yang tidak sesuai yang boleh memudaratkan kesihatan perokok atau penghisap vape.

Walaupun terpencil, namun kita masih mendapat laporan bahawa terdapat penyalahgunaan barang terlarang dalam vape. Kawalan yang sewajarnya dapat mengelak golongan tidak bertanggungjawab dari terus menghisap dan menjual produk terlarang.

Panggil pemegang taruh minta pandangan, teliti kelemahan dan buat

kawalan yang lebih efektif lagi. Jadi isu-isu sebegini yang harus diteliti dan bukan laksana Generasi Penamat.

Apakah pandangan tentang saranan supaya peruncit meminta kad pengenalan untuk pengesahan umur sebelum menjual produk tembakau terutamanya di kedai runcit yang diuruskan pendatang asing, bolehkah ia dilaksanakan?

PANIER: Ia bukanlah satu tindakan yang produktif dan sukar untuk dilaksanakan. Hasrat utama pendatang adalah mahukan keuntungan, tetapi sama ada ia akan mendatangkan kemudahan untuk masyarakat atau negara ini, mereka pasti tidak kisah. Jadi apa jaminan kepatuhan mereka untuk membantu kerajaan dalam melaksanakan generasi penamat.

Kelemahan lain yang mungkin berlaku juga apabila individu dewasa boleh membeli produk tembakau untuk individu bawah umur. Kita dapat lihat walaupun kerajaan telah menetapkan rokok tidak boleh dijual pada mereka yang berusia di bawah 18 tahun, namun ramai yang masih memilikinya malah bebas menghisap rokok termasuk ketika memakai uniform sekolah. Jika pembelian rokok bagi remaja berusia bawah 18 tahun juga gagal dibendung, bagaimana mahu membendung mereka yang sudah dewasa membeli rokok?

TARMIZI: Perkara ini sangat kurang signifikan, di samping pengguna terpaksa menunggu lebih lama, perkara lebih dhuatir adalah berkenaan dengan maklumat peribadi kita apabila tiada mekanisme tentang arahan meminta kad pengenalan itu. Kita risau orang guna nombor kad pengenalan untuk lakukan jenayah dan penipuan, walaupun sekejap, tetapi pengusaha atau penjual tentu boleh ingat atau tulis.

Akhirnya mereka malas dengan isu-isu remeh berpindah untuk beli di pasaran gelap yang cuma mendatangkan masalah kepada pengguna kerana landungan bahannya tidak dapat dipastikan sama ada mengikut piawaian produk tembakau yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

Memandangkan saiz perdagangan tembakau haram yang melibatkan

berbilion wang tidak sah dan sindiket terancang, apakah perkara yang perlu diteliti dari perspektif undang-undang untuk menangani isu tersebut?

PANIER: Negara kita adalah negara yang bersempadan, jadi orang luar boleh masuk melalui pelbagai cara dengan mudah. Jadi Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah Khas) 2012 atau SOSMA dan Akta Pembantaran Jenayah 1959 (Poca) amat diperlukan dalam membendung aktiviti penyeludupan dan jenayah terancang. Jika penyeludupan tidak disekat, ia bukan sahaja boleh membahayakan keselamatan negara, tetapi mengancam kesihatan rakyat terutamanya terhadap kesangsian bahan yang diseludup.

Namun, usul lanjutan SOSMA yang diluluskan tidak boleh dijadikan alasan kerana pelaksanaan Generasi Penamat tersebut menyentuh privasi individu seseorang itu. Contohnya, cara saya menggantung rambut adalah mengikut cita rasa saya, jadi kerajaan tak boleh halang cara gantung itu dan kena tukar kepada cita rasa lain.

Serupa juga dengan larangan generasi tersebut kerana itu bukan hak kerajaan, tetapi hak individu sebab ia terpalang kepada seseorang itu sama ada mahu merokok atau sebaliknya apabila mereka dewasa.

Larangan ini akan menjadikan individu yang membeli rokok umpama penjenayah seperti membeli dadah, komen?

TARMIZI: Tidak wajar orang yang membeli rokok dianggap sebagai membeli dadah kerana ia dua perkara yang sangat berbeza terutamanya dari segi kemudahan kedua-dua produk itu. Dalam menilai atau membuat undang-undang dan dasar, perlu lihat kesan kedua-dua perkara sama ada dua produk itu seimbang atau ketara untuk kemudahan. Kalau tidak sama, maka adalah tidak wajar untuk membuat keputusan itu.

Secara khususnya, kita perlu ada satu undang-undang yang mengawal selia berkenaan bahaya produk tembakau secara jelas, yang menjaga hak pengguna kerana kita perlu beri ruang kepada pengguna untuk berubah memilih gaya hidup yang kurang mudarat serta beralih ke kehidupan yang lebih sihat.

Tetapi kalau dianggap sama seperti penjenayah dadah, ia jelas dua gaya hidup yang berlainan.



TARMIZI ANUAR

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS



People queuing to get their booster shot at a vaccination centre in Kuala Lumpur on Tuesday. PIX BY DWEE AH CHUN

Noor Azmi: 1.5 million children not vaccinated

KUALA LUMPUR: To date, 1,518,778 children under 12 have yet to be immunised against Covid-19.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said of the total, 264,750 were under 5, thus ineligible for the vaccine.

He said up to Tuesday, 1,777,078 of children aged 5 to 11 had received at least a dose of the vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children.

"A total of 1,485,265 children have completed their vaccination," he said at the Dewan Rakyat yesterday.

Dr Noor Azmi was responding to a question by Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz (Pas-Bachok) on the number of children who had yet to receive the vaccine and actions by the ministry to ensure all children are vaccinated.

He said 500 suspected incidents of adverse events following immunisation were reported to the National Pharmaceutical Regulatory Agency.

"Of the 500 cases, only 31 were serious. But they became stable after receiving hospital treatment," he said in a reply to Sim Tze Tzin (Pakatan Harapan-Bayan Baru), who asked about the number of children facing complications after being vaccinated.

Dr Noor Azmi expressed concern about the rising number of Covid-19 cases following the emergence of sub-variants.

"Adults are facing waning immunity and need booster doses. This is why we added the booster dose to ensure we can boost children's immunity against the virus."

He added that the ministry had been conducting campaigns to boost awareness among parents on the importance of getting their children protected against Covid-19 via vaccination.

"We have paediatric and public health experts sharing information, which is then broadcast on television."

"The ministry produced health education infographics, frequently asked questions for parents, short videos for parental and community referrals, and a collaboration with Immunise4Life to produce videos on Covid-19 and information on vaccines in Bahasa Malaysia, English and east coast dialects," he said.

10 DEATHS

SLIGHT DROP IN COVID CASES

More than half of Wednesday's 4,503 cases reported in Klang Valley

TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE number of daily Covid-19 cases dropped slightly to 4,503 and 10 people died of the coronavirus on Wednesday.

More than half of the new infections were recorded in the Klang Valley — 1,706 in Selangor, the highest among all states and federal territories, 989 in Kuala Lumpur and 100 in Putrajaya.

A total of 306 cases were registered in Perak, 265 in Penang, 238 in Sabah, 173 in Negri Sembilan, 171 in Melaka, 159 in Kedah, 120 in Johor, 81 in Sarawak, 74 in Pahang, 62 in Kelantan, 42 in Terengganu, 11 in Labuan and six in Perlis.

Malaysia reported 4,759 cases on Tuesday.



An elderly man receiving a fourth dose of the Covid-19 vaccine in Kuala Lumpur on Tuesday.

There were 3,847 recoveries and 10 fatalities, including four brought-in-dead cases, on Wednesday.

Up to Wednesday, 4,664,213 Covid-19 cases had been recorded, of which, 4,581,365 had recovered from the virus.

Malaysia recorded 35,942 deaths.

There are 46,906 active Covid-19 cases.

The positivity rate stood at nine per cent on Monday, the highest for the past two weeks.

To date, 1.3 per cent of the adult

population, aged 18 and above, have received the fourth Covid-19 vaccine shot.

The total number of adults who had taken their first booster dose was 16,133,740, or 68.6 per cent of the population, while 10,010 had received their fourth jab.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION/NEWS

NATION'S OBLIGATIONS

CAP: Tabling of tobacco bill a milestone for Malaysia

GEORGE TOWN: The tabling of the Tobacco and Smoking Control Bill on Wednesday marked a significant step in implementing Malaysia's obligations under the World Health Organisation's Framework Convention on Tobacco Control (FCTC), says the Consumer Association of Penang (CAP).

Malaysia, it said, ratified the FCTC on Sept 16, 2005.

CAP president Mohideen Abdul Kader said the bill was long overdue.

"In taking the bill forward, the Health Ministry is rightfully standing up for the health of all Malaysians by implementing its international legally binding obligations, and protecting future generations with its courageous introduction of the generational endgame provision for Malaysians born on Jan 1, 2007 onwards."

Mohideen said CAP's monitoring of the tobacco industry over the years had revealed many "antics" to circumvent and subvert the FCTC implementation, claiming this was also seen in other countries.

"CAP condemns the blatant move by tobacco industry lobbyists to attempt to interfere in the heart of Parliament as revealed in social media postings.

"We call on members of parliament to declare their interests or those of their officials and employees in the tobacco industry.

"This interference is in direct violation of a provision in the FCTC," he added.

On Wednesday, Health Minister Khairy Jamaluddin tabled the Tobacco and



Mohideen Abdul Kader

Smoking Control Bill for first reading.

The bill is also known as the tobacco generational endgame law, aimed at snuffing the smoking habit and protecting the health of Malaysians.

The law would apply to those born in 2007 onwards, and not 2005 as initially proposed.

Khairy had said that the second reading and third reading would be done in this meeting.

If passed, the country would not only ban smoking, but also prohibit the ownership of tobacco and vape products by those born after 2007.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Medical cannabis producers must register with DCA

COMPANIES producing medical cannabis can register their products with the Drug Control Authority (DCA) before they're approved for sale in Malaysia, says Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

"If there are any groups with enough scientific proof on the use of medicine containing cannabis extract, they can register their products with the DCA which then permits the products to be sold in Malaysia.

"The Health Ministry does not reject any study on the efficacy of medicinal cannabis. If there are products concerning medical cannabis that are approved overseas, the said company can register their products in Malaysia," he said.

He added that medical cannabis falls under the purview of the Dangerous Drugs Act (DDA), the Poisons Act and the Sale of Drugs Act.

"It does not stop the imports, sale, supply, and mass production of cannabis extract for

medical purposes, as long as the activity is in accordance with the law," said Dr Noor Azmi during Oral Question and Answer session.

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar) then asked what would happen to people using medicinal cannabis and ketum for treatment.

"(It is already legal in) Thailand and even in Indonesia, the process to approve medicinal cannabis has started.

"Doctors here are ready to prescribe, but according to the law, criminal charges can be made against the doctor and even patients, as well as their guardians," said Syed Saddiq.

Dr Noor Azmi conceded that there are benefits to using medical cannabis to treat depression, cancer, epilepsy and other diseases, but stressed that until present laws are amended, those who are using the drug will be charged.

"If we are still stuck with previous laws, we

can't do anything. That's why we need everyone's cooperation to amend them. Studies have shown that these products can be used and are efficient in treating certain illnesses.

"The issue here is the stigma. When we mention cannabis, people are still scared. But those involved are patients who are benefiting from it, so they shouldn't be arrested or jailed," added Dr Noor Azmi.

Presently, he said, there were no clinical trials on any products containing cannabis extract for those who are using it for medical purposes in Malaysia.

Section 6 of the DDA prohibits the possession of cannabis, which is an offence punishable by five years in prison or a fine not exceeding RM20,000.

Section 39A of the DDA states that those found with over 50g are punishable with five years of jail and at least 10 strokes of the rotan.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

Case against vaping

► Despite claims e-cigarette is safe alternative to tobacco, new evidence shows it causes lung injuries, say health experts

BY MUHAMMAD YUSRY
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Health Minister Khairy Jamaluddin warned in a TikTok video posted on Wednesday that the government had spent RM6.2 billion in 2020 alone to treat patients with smoking-related complications, and the figure could rise to RM8.8 billion by 2030.

However, the Vape Consumer Association of Malaysia insisted in a press release the same day that vaping is a "safe" alternative to smoking tobacco.



But three out of 60 patients with a history of using e-cigarettes tested by University Malaya Medical Centre researchers between January and November last year showed evidence of E-cigarette or Vaping Use-Associated Lung Injury (EVALI).

The researchers warned this will add tobacco smoking as a serious health concern in the years to come.

Khairy had previously said the cost to treat EVALI patients was RM150,000 per person.

As it is, the Malaysian Medical Association said 20,000 people die from smoking-related complications annually, so the numbers will surely rise.

Furthermore, it has been reported the government could suffer RM273 billion in losses annually due to premature deaths from smoking-related complications if nothing is done to wean Malaysians off the habit.

Now, Assoc Prof Dr Nur Amani Tajuddin from Universiti Malaya's Department of Primary Care Medicine is warning of the dire consequences of vaping.

She said when the lungs are injured as a result of complications caused by vaping, doctors will conduct emergency life-saving procedures, such as a thoracotomy or an effusion. The first procedure

releases trapped air between the lung and the chest wall while the second releases water in the lungs.

"EVALI is still a new medical complication caused to e-cigarette smokers, and the symptoms can overlap with other respiratory illnesses like pneumonia, influenza or Covid-19. Thus, the history of using e-cigarettes is important for the attending doctor to ascertain.

"Awareness on EVALI is increasing, and we expect to see more cases of EVALI in the next few

years," she told *theSun*.

Nur Amani warned that the chemicals and ingredients added to e-cigarettes cause damage to the tiny air sacs in the lungs, called alveoli.

"When these tiny sacs are damaged, they will not be able to expand the lungs, thus reducing the exchange of carbon dioxide and oxygen, causing breathing or respiratory problems such as coughing, shallow breathing and fatigue leading to reduced physical activity.

"Vaping can also worsen a patient's asthma condition and may cause the vaper's partner or spouse who is exposed to the exhaled chemicals to have uncontrolled asthma."

Khairy said the Generational Endgame, or Tobacco and Smoking Control Bill, which was tabled on Wednesday for its first reading, can improve the health of the people and reduce health costs to the government.

Turn to
page 3

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Govt open to clinical trials on cannabis extract

KUALA LUMPUR: The Health Ministry welcomes applications to conduct clinical trials on products containing cannabis extract for medical purposes, as no such tests were being conducted in the country, said Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

He said the Dangerous Drugs Act 1952, Poisons Act 1952 and the Sale of Drugs Act 1952 allows cannabis extract to be supplied, imported, sold, used for medical or research purposes or clinical trials, subject to the requirements provided by the Acts.

Azmi said companies that have adequate scientific proof of the effectiveness of products containing cannabis extract for medical purposes can submit an application to register the products with the Drug Control Authority under the ministry.

He added that companies with medical cannabis products that have been approved abroad can apply to have their products registered and marketed in Malaysia.

"The ministry does not reject studies on the effectiveness of medical cannabis. It is time we follow the steps of 40 countries that have used it to treat diseases including cancer, depression and epilepsy. We are ready to look at this."

On a proposal to separate interpretations of cannabis, medical cannabis and hemp from a legal aspect, he said the matter would depend on the findings of the main committee on the development of the cannabis and ketum industry for medical purposes set up by the ministry and tasked to study and formulate the direction of the industry's development.

"Therefore, the need to amend the Dangerous Drugs Act 1952 in connection with the control of cannabis and hemp, including creating separate interpretations for cannabis and hemp, depends on the Cabinet's decision after reviewing the committee's findings, taking into account the legal, socio-cultural, health, economy, shariah law aspects and so on," he added. - Bernama